

# Ops Halang

# 94 saman dikeluar dalam dua jam

KUALA LUMPUR: Dewan Bandara-yang Kuala Lumpur (DBKL) meminta pengusaha bas supaya turun padang dan melihat sendiri ge-lagat pemandu bas mereka ketika di jalan raya.

Penolong Pegawai Penguat Kuasa Kanan DBKL Ashari Ahmad berkata, pengusaha bas jangan hanya duduk di dalam pejabat, tetapi perlu meninjau cara pemandu bas yang mereka upah menjalankan tugas.

"Kami tidak minta pengusaha bas serta operasi yang dijalankan DBKL, tetapi cukup dengan mereka pergi sendiri dan tinjau kesihatan dilakukan pemandu bas," katanya apabila pemberitaan selepas Operasi Bersepadu Pengangkutan Awam dan Perdagangan (Ops Halang)

dilancarkan semalam.

Ashari berkata Ops Halang siri lima itu membabitkan empat jabatan penguatkuasaan iaitu Jabatan Keselamatan dan Penguatuasaan (JKP), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Jabatan Imigresen.

"Sebanyak 94 saman dikeluarkan sepanjang dua jam Ops Halang ini dijalankan yang bermula jam 10.45 pagi membabitkan JKP (54 saman), PDRM (38 saman) dan JPJ (dua saman)," katanya.

Beliau berkata, Ops Halang yang membabitkan 23 pegawai dan anggota itu dijalankan di lima lokasi utama di pusat bandar iaitu Jalan Tuanku Tan Siew Sin, Jalan Tun H S Lee, Lebuh Pudu, Jalan Hang Kasturi dan Jalan Silang.